

CNN sekadar tonjolkan karisma Dr Mahathir

BH 18 MAY 2002

MASA yang terluang tidak sampai 30 minit. Dalam tempoh sesingkat itu pun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerlahkan kewibawaannya untuk menangani soalan yang dihamburkan umpama perluru mesingan dalam sesi temu bual CNN bertajuk 'Q & A' yang ke udara sejurus selepas tengah malam tadi dengan kecermatan dan ketepatan. Pengacara rancangan berkenaan, Zain Verjee, boleh diyakini sudah melakukan kerja rumahnya dengan menyeluruh. Apatah lagi tokoh yang ditemu bualnya ialah seorang yang dijulang Amerika Syarikat sendiri selaku seorang pemimpin berpendirian sederhana yang mewakili suara negara Islam. Namun, apa yang harus lebih diyakini pada penghujung rancangan berkenaan ialah Perdana Menteri juga memiliki semua jawapan terhadap setiap satu soalan yang dikemukakan, dengan keterbukaan dan kebijaksanaan tanpa mengelakkan isu sebenar yang diutarakan.

Boleh diandaikan rentetan soalan dalam temu bual CNN itu turut mencerminkan persepsi atau tanggapan media asing, terutama media Barat, terhadap Malaysia selama ini. Daripada dakwaan sistem kehakiman negara ini kononnya dipengaruhi pihak eksekutif, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk membendung pembangkang atau musuh politik daripada mencabar pemerintah dan tidak ketinggalan cubaan memanjangkan semula isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, semuanya diatur sedemikian rupa. Sama ada tujuannya ialah untuk mencungkil hakikat sebenar atau bagi mereka yang berkepentingan, mungkin mengharapkan Malaysia terus dilihat dari sudut negatif, tiada apa yang terkecuali. Dr Mahathir tidak pun berselindung dalam memperjelasannya satu persatu. Bagaimanapun, seperti dihujahkan Perdana Menteri, tiada apa yang dapat dilakukan jika mereka memilih untuk terus mencurigai negara ini.

Sudah banyak contoh masa lalu terhadap bagaimana sesetengah pemimpin yang lantang bersuara di pelbagai forum antarabangsa, 'cair' apabila diletakkan di depan fokus kamera dan di bawah sinar lampu media utama yang berpengaruh besar. Sudah ramai yang melatah, tidak kurang yang melalut di samping segelintir lagi membentak dan memberontak apabila soalan yang dianggap amat sensitif dihamburkan ke muka mereka. Barangkali inilah antara ciri-ciri yang membezakan di antara pemimpin yang berkarisma besar dan sebilangan besar lain yang sekadar berpura-pura seumpamanya. Tidak ramai yang dapat mengelak daripada meninggikan suara apabila peribadi mereka turut diserang. Segelintir cuma yang dapat mengekalkan ketenangan dalam keadaan mendepani rentetan soalan 'cepu mas', tambahan pula daripada media yang dianggap berat sebelah dan sering tidak berlaku adil.

Andainya sesi temu bual kurang 30 minit itu dianggap ujian, maka ramai yang harus bersetuju bahawa Dr Mahathir mengharunginya dengan jaya. Dalam banyak keadaan, Perdana Menteri tidak perlu bersekolondung di sebalik pelbagai dalih dan bermain kata-kata. Hujah dan faktanya terbentang sebagai jawapan kepada pelbagai dakwaan dan andaian provokatif. Barangkali parti pembangkang di negara ini melihatnya berlawanan. Cuma bezanya mereka tidak diluahkan banyak kesempatan untuk diuji sedemikian rupa kecuali pentas ceramah bersifat monolog di mana mereka bermaharajalela dengan menjaja cerita penglipur lara. Dan walaupun diberikan peluang, bolehkah diyakini mereka berupaya menghamburkan segala yang bersarang dalam minda mereka dalam bentuk kata-kata.

Sebagaimana ucapan Dr Mahathir ketika merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia di Washington kelmarin, Malaysia yang sering menerima liputan negatif oleh media antarabangsa sehingga dipandang serong oleh kebanyakan negara asing, perlu mempunyai mekanisme untuk memantau dan menangkis pandangan sedemikian. Oleh kerana Perdana Menteri sendiri mempunyai kesempatan agak terbatas untuk muncul dalam temu bual seperti dilakukan CNN itu, pihak kedutaan mempunyai tanggungjawab besar untuk memperbetulkan salah tanggapan. Media asing, dengan dibebani agenda mereka sendiri, akan terus menimbulkan andaian dan ia tidak akan banyak membantu jika sesuatu yang silap dibiarkan tanpa penjelasan.